

Dari Sebulan ke Sebulan

Tatkala Dato' Onn meletakkan jawatannya pada penghujung bulan Ogos 1951 sebagai Yang Dipertua UMNO dan tempatnya digantikan oleh Tengku Abdul Rahman Putra, penulis rencana khas ini di dalam majalah Qalam bilangan 15, keluaran bulan Oktober, 1951 tatkala mengalu-alukan Tengku Abdul Rahman, Yang Dipertua UMNO baru, penulis itu menulis:

“...Disyukuri bahawa dalam UMNO sendiri telah ada perubahan pentadbir-pentadbirnya yang diharap akan mendirikan hak dan keutamaan orang-orang Melayu dan mudah-mudahan Yang Dipertua yang baru ini akan mendirikan hak dan syaraf bangsanya serta mudah-mudahan ia adalah menjadi emas yang sebenar-benarnya emas – bukannya emas sepuh yang akan mengorbankan tenaga, usaha dan segala-galanya untuk bangsanya dan meninggalkan maslahat diri dan kerabatnya.

“Yang demikian ini sangat perlu dan sangat mustahak bagi yang baru itu (Tengku) menegaskan kedudukan dan perdirian bangsanya dengan berterang-terang dan diharap ia akan berani berterang-terang berkata bahawa sesiapa daripada bangsanya menjual, meruntuh, menghapus dan membinasakan hak-hak orang-orang Melayu itu ialah pengkhianat kepada bangsa walaupun ia berketurunan darah raja atau sesiapa pun. Maslahat bangsa itu hendaklah ditegakkan walau apa yang dihadapi oleh bangsa dan kemerdekaan oleh bangsa itu hendaklah kemerdekaan yang bermanfaat kepada bangsanya – bukan kepada bangsa lain.

“Mudah-mudahan dengan perubahan ini orang Melayu akan terselamat daripada pancaroba yang telah dihadapi olehnya dan bagi orang Melayu umum hendaklah memerhati dan

bercermat dalam menjadi pengikut – jangan menjadi pengikut buta bersyubhah kepada perkara yang menjahanamkan kepada bangsanya.

“Orang Melayu berharap bahawa Yang Dipertua baru ini (Tengku) akan bekerja bersungguh-sungguh dan menunjukkan segala gerak-gerinya itu bermanfaat kepada orang Melayu. Orang Melayu belum boleh mengatakan adakah ia emas atau tembaga sebelum ia membuktikan dan sebelum ia menunjukkan kepada umum segala gerak langkahnya kepada umum sebab daripada gerak langkah itulah orang mengetahui siapa sebenarnya ia – adakah bermanfaat kepada bangsa atau akan merosakkan juga kepada bangsa. Oleh sebab itu masa akan menunjukkan perdiriannya pada masa akan datang.”

Sekian tulisan itu yang patut direnung semula oleh kita bersama adakah harapan itu sudah terlaksana atau belum.

* * *

Persoalan menjadikan bahasa kebangsaan bahasa rasmi yang tunggal bagi Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1967, dalam sedikit masa yang lalu telah terduga apabila ada golongan-golongan yang menghendaki supaya bahasa Cina hendaklah dijadikan sama sebagai bahasa rasmi yang tunggal bagi Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1967, dalah¹ sedikit masa yang lalu telah terduga apabila ada golongan-golongan yang menghendaki supaya bahasa Cina hendaklah dijadikan sama sebagai bahasa rasmi di Persekutuan Tanah Melayu². Keadaan telah mulai panas dan kepanasan itu hampir-hampir menimbulkan masalah perkauman

¹ Perkataan sebenar ialah adalah.

² Kesilapan cetakan, terdapat pengulangan ayat.

dan permusuhan di dalam golongan Perikatan (UMNO, M. C.A. dan M.I.C.). Untungnya juga pihak M.C.A. menyedari bahaya ini dan mengisytiharkan bahawa M.C.A. mengakui bahasa rasmi yang tunggal ialah bahasa Melayu tetapi mengharap bahawa langkah itu tidaklah akan menghapuskan bahasa Cina.

Di dalam keadaan-keadaan yang ribut ini. Tun Razak telah menyatakan dengan tegasnya bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu. Tengku Abdul Rahman menegaskan di Ipoh pada hari Selasa 28 September 1965 sebagaimana telah dipersetujui dalam Perlembagaan, kita mesti mempunyai satu bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu.

“Dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan maka kerajaan di samping itu mengeluarkan belanja untuk sekolah bagi bahasa-bahasa lain. Kalau mereka menyokong ini maka persetujuan-persetujuan timbal terima boleh dibuat mengenai penggunaan bahasa dalam negeri ini selain daripada bahasa Melayu. Saya tidak dapat menghuraikan apakah peraturan-peraturan itu. Tetapi percayalah, **saya akan cuba memenuhi, separuh jalan, keinginan orang-orang bukan Melayu.**”

Ucapan Tengku yang mengatakan “Saya akan cuba memenuhi separuh jalan keinginan orang-orang yang bukan Melayu” adalah suatu perkataan yang menimbulkan syak dan menimbulkan suatu tanda tanya apakah yang dituju dan dimaksud dengan perkataan itu. Kerana sifat-sifat Tengku yang umum diketahui oleh umat Melayu terlampau sangat berlembut di dalam semua perkara dan terlampau sangat “pemurah” di dalam menghadapi orang yang bukan Melayu inilah mungkin menimbulkan golongan-golongan Melayu berasa waham dan syak pada suatu hari akan timbul suatu jalan yang dibukakan Tengku yang menjadikan bahasa kebangsaan yang tunggal pada tahun 1967 itu tidak akan terlaksana.

ini dapat dilihat daripada ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin Melayu sendiri apalagi A. Khir Johari telah membayangkan lebih dahulu supaya ada ulur tarik di dalam soal bahasa; dan di dalam hujung bulan September 1965 beliau menuntut supaya orang Melayu “menutup mulut” dalam soal bahasa dan serahkan sahaja persoalan itu bulat-bulat kepada pemimpin-pemimpin. Orang tentu akan bertanya apa yang sudah jadi di dalam perkara besar-besar yang rakyat tidak dibawa berunding dan pemimpin-pemimpin Melayu tidak dibawa berunding – dibuat macam langkah-langkah diktator – keputusan diambil dengan semahu-mahunya sahaja seperti yang pernah dikatakan oleh beberapa orang pemimpin: “Perkara kecil dibawa berunding, perkara besar, kami ditinggalkan”

* * *

Jawatankuasa Lembaga Tetap Kongres yang berpusat di Kuala Lumpur sekarang, terbit daripada keadaan tuntutan-tuntutan untuk menjadikan bahasa-bahasa lain sebagai bahasa rasmi bersama-sama dengan bahasa Melayu dan mungkin terbit daripada ucapan yang sama daripada Tengku Abdul Rahman bagi melayan bahasa selain daripada bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal itu telah mengadakan ketetapan untuk menjumpai Tengku untuk mendapat penjelasan-penjelasan yang tegas mengenai bahasa.

Kerana bimbangkan perkara itu, Yang Dipertua lembaga Tetap Kongres itu, Tuan Syed Nasir, telah menyatakan bahawa Sidang Kongres Bahasa akan diadakan dengan segera sekiranya keadaan memerlukan. Tujuan ini tentu tidak lain suara umat Melayu terhadap kepada bahasa kebangsaan yang menjadi bahasa rasmi pada tahun 1967 itu akan menjadi bulat dan tegas daripada seluruh umat Melayu. Dengan bulat suara itu, tentulah pemimpin-pemimpin Melayu yang selalu melemahkan giginya daripada lidahnya akan dapat berfikir dua kali di atas perbuatan-perbuatan mereka yang sentiasa

berlemah lembut yang boleh merugikan perjuangan umat Melayu.

Di dalam persidangan-persidangan Jawatankuasa Lembaga Tetap Kongres itu telah juga ditetapkan bahawa pada tahun 1966 akan diadakan Kongres Bahasa iaitu setahun sebelum bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi yang telah tetap ada di dalam perlembagaan. Mudah-mudahan kongres ini akan segera diadakan yang dengannya orang Melayu dapat tenang dan lapang hatinya daripada acuman-acuman dari luar.

Di dalam perutusannya tatkala membuka Masjid Negara, di antara lain-lain Tun Abdul Razak bin Hussein, Timbalan Perdana Menteri berkata: “....Saya berharap dengan adanya Masjid Negara ini menjadi pusat agama Islam yang maha suci, ahli-ahli agama kita akan menjalankan berbagai-bagai langkah untuk mendirikan taraf dan mutu agama kita itu. Dengan ini agama Islam kita akan menjadi agama rasmi negara dalam erti kata yang sebenar-benarnya.”

Harapan Timbalan Perdana Menteri ini, kalau betul-betul hendak dibuat dan hendak dilaksanakan sememangnya boleh asalkan dijalankan dengan wajar. Di mana-mana tempat, dengan usaha kementerian beliau tidak berhenti-henti kita dengar masjid-masjid didirikan – lima puluh ribu, seratus ribu, dua ratus lima puluh ribu wang digunakan kerana membina masjid-masjid itu. Kita melihat banyak masjid-masjid baru di merata-rata tempat, tetapi menjadi suatu pertanyaan, apakah dengan adanya masjid ini taraf dan mutu agama Islam akan tinggi? Masjid itu tidak akan berfaedah kerana cantiknya kerana megahnya kalau tidak masjid itu dimakmurkan dan umat sendiri dibentuk menjadi umat tauhid. Kita tidak mendengar lagi dari kementerian beliau ada ura-ura menyusun rancangan yang menghidupkan jiwa keislaman sebenar-benarnya sama ada dengan tabligh, mengadakan kitab-kitab agama yang mudah dan senang difaham yang menjadi bantuan kepada usaha-usaha di atas langkah ini

supaya umat Islam di kampung-kampung sebenar-benarnya mengerti agama, terjauh daripada khurafat dan dapat kemudahan mempelajari hukum-hukum agama dengan menggunakan kitab baru yang luas dan mudah difaham.

Mudah-mudahan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini akan memerhatikan persoalan ini dengan lebih mendalam kerana binaan masjid hanya diisi seminggu sekali sahaja – tidak ada ertinya dan tentunya akan menjadi sarang kelawar sahaja sebagaimana yang kita lihat pada masa-masa dahulu.

Sewaktu pemegang kekuasaan dalam negara mendekati para ahli-ahli agama, di situlah bermulanya kejayaan Bani Israel dulu. Dan sewaktu para ahli agama mulai mendekati diri kepada ahli pemegang-pemegang kekuasaan dalam negara, maka di situlah bermulanya keruntuhan Bani Israel.

Demikian juga Islam – (Ibn Hāzim)

* * *

Aku mendapat faedah dari musuhku lebih banyak daripada aku dapati dari sahabatku. Kerana musuhku selalu mengejek, menampak cela cacatku dan menyedarkan aku berada dalam kesalahan-kesalahan sehingga aku tahu kesalahan diriku. Tetapi sahabatku selalu menganggap baik kesalahanku dan menguatkan aku berada dalam kesalahan. – (Iskandar)

* * *

“Tuhanku, Engkau lebih mengetahui daripadaku tentang diriku, dan aku lebih mengetahui dari mereka tentang diriku. Tuhanku, dijadikanlah kebaikan begitu dari apa yang mereka sangka, ampunilah akan daku apa yang mereka tidak mengetahui, dan janganlah engkau murka kepadaku tentang apa yang mereka katakan.” (Doa Abū Bakr al-Şiddīq apabila ia dipuji orang).